

NO. SOALAN: 270

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan jadual jumlah, penerima biasiswa luar negeri Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengikut universiti dan bidang pengajian untuk tahun 2012, 2013 dan 2014.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penerima biasiswa luar negara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengikut universiti dan bidang pengajian untuk tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Program	Senarai Universiti	Bidang
1.	Biasiswa Nasional	10 universiti teratas dalam senarai Times Higher Education (THE)	Di bawah program ini pelajar bebas memilih bidang pengajian. Antara bidang yang ditaja ialah klinikal dan kesihatan, sains hayat, sains fizikal dan sains sosial
2.	Lepasan Bursary	50 universiti teratas dalam senarai Times Higher Education (THE)	
3.	Universiti Terkemuka	10 universiti teratas dalam senarai Times Higher Education (THE)	
4.	Program Khas Kejuruteraan Jepun, Perancis, Jerman dan Korea (JPJK)	Universiti-universiti di Jepun, Perancis, Jerman dan Korea	Kejuruteraan

Jumlah pelajar dari tahun 2012-2014 mengikut program penajaan JPA luar negara seperti berikut:

Program	Jumlah Pelajar		
	2012	2013	2014
Biasiswa Nasional	50	50	50
Lepasan Bursary	Penawaran belum bermula	313	727
Universiti Terkemuka	11	12	15
Program Khas JPJK	300	300	300

Sekian. Terima kasih.